



## HELAIAN FAKTA

### PROGRAM – PROGRAM HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM2024) JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

---

#### MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2024

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Program tahunan peringkat kebangsaan dan negeri sebagai tanda ***kick off*** Sambutan Bulan Kebangsaan yang telah memasuki tahun ke-12 pelaksanaan sejak mula dilaksanakan pada tahun 2013 di Sungai Petani, Kedah.
- 1.2. Jabatan Penerangan Malaysia telah dipertanggungjawabkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang untuk melaksanakan program ini dengan penglibatan Pemimpin Utama Negara di peringkat Persekutuan, serta kepimpinan di peringkat negeri.
- 1.3. Pelaksanaan program secara bersepadu dengan kerjasama kementerian, jabatan dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri.
- 1.4. Tarikh : 13 Julai 2024 (Sabtu)
- 1.5. Lokasi : Cyberjaya

#### 2. OBJEKTIF

- 2.1. Patriotisme dan Kenegaraan – Menyubur semangat patriotik masyarakat melalui Kempen Kibar Jalur Gemilang.
- 2.2. Memasarkan Dasar Kerajaan – Memasar dan mempertingkatkan pemahaman dasar kerajaan dan mesej negara kepada rakyat.
- 2.3. Penyertaan Masyarakat – Menggelorakan sambutan Bulan Kebangsaan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan kaum.
- 2.4. Suasana Harmoni – Mewujudkan suasana harmoni dan ceria sempena Sambutan Bulan Kebangsaan agar kemeriahan ini dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.

**Disediakan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia**



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

## HELAIAN FAKTA

---

### KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG 2024

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. **Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2024 (KMJG2024)** akan dilaksanakan dengan pendekatan **“Value For Money”** di bawah kluster kenegaraan dan patriotisme bersempena Sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun 2024.
- 1.2. Kempen KMJG memulakan siri penjelajahan pertama pada tahun 2002 di peringkat kebangsaan dan berhenti pada tahun 2009 dengan penganjuran di peringkat negeri sahaja. Namun pada tahun 2016, ia diaktifkan kembali bagi peringkat kebangsaan sehingga kini.
- 1.3. Walau bagaimanapun, KMJG pernah direhatkan selama dua (2) tahun akibat daripada pandemik COVID-19 iaitu pada tahun 2020-2021.
- 1.4. Pelaksanaan KMJG pada edisi ini adalah berkonsepkan “Penyerahan Jalur Gemilang” dengan membawa Jalur Gemilang ke seluruh negara dan diserahkan di setiap sempadan negeri.
- 1.5. KMJG2024 akan dilaksanakan dan diselaraskan oleh JAPEN Negeri sepenuhnya mengikut jadual yang telah ditetapkan.

#### 2. KAEDAH PELAKSANAAN

- 2.1. *Flag off* KMJG2024 akan bermula serentak dengan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024.
- 2.2. Penglibatan peserta seramai 67 orang atau lebih berdasarkan ketetapan yang ditentukan oleh pihak urus setia negeri.
- 2.3. Tiga (3) kumpulan peserta telah dikenal pasti dalam menjayakan KMJG2024 terdiri daripada kenderaan jabatan dan agensi, persatuan dan kelab permotoran, kenderaan komuniti & Badan Bukan Kerjaan (NGO), syarikat swasta & *GIG Economy*.

**Disediakan oleh:**  
**Jabatan Penerangan Malaysia**



## HELAIAN FAKTA

---

### PROGRAM SEMARAK GEMILANG KITA MADANI 2024

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. JAPEN dengan kerjasama Rakan Strategik akan melaksanakan Program Semarak Gemilang Kita MADANI sebagai salah satu aktiviti kempen kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.
- 1.2. Penganjuran program dilaksanakan secara menyeluruh bagi memperkukuh perasaan cintakan negara melalui kempen kibar Jalur Gemilang dengan menerapkan dua elemen iaitu elemen kenegaraan dan elemen Malaysia MADANI.

#### 2. OBJEKTIF

- 2.1. Menyuburkan perasaan cintakan negara dan semangat Malaysia MADANI dalam kalangan masyarakat.
- 2.2. Menyemarakkan kibaran Jalur Gemilang di seluruh negara dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan orang awam.

#### 3. PELAN PELAKSANAAN

- 3.1 Kempen menyemarakkan kibaran Jalur Gemilang di lokasi tumpuan/strategik.
- 3.2 Pengisian aktiviti seperti program kemasyarakatan, edaran risalah, edaran bendera dan lain-lain.
- 3.3 Tempoh pelaksanaan bermula dari 20 Julai sehingga 16 September 2024.

**Disediakan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia**



## HELAIAN FAKTA

---

### LANGKAH JIWA MERDEKA BERSAMA MEMBANGUN MALAYSIA MADANI 2024

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Langkah Jiwa Merdeka: Bersama Membangun Malaysia MADANI merupakan salah satu *pocket* program untuk mempromosikan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.
- 1.2. Difokuskan kepada penyertaan aktif daripada penjawat awam sebagai satu platform untuk LAMBANG PENYATUAN komuniti penjawat awam dalam misi menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan di setiap kementerian agar kemeriahan sambutan dapat digerakkan sehingga ke akar umbi.
- 1.3. Memupuk semangat perpaduan serta membangkitkan rasa cinta kepada negara melalui pengisian aktiviti yang disusun.
- 1.4. Menjadi titik permulaan bagi usaha – usaha ke arah kebersamaan yang lebih kukuh dalam kalangan penjawat awam serta masyarakat sekitarnya dalam garapan kebersamaan menggelorakan semangat patriotik.

#### 2. PENGISIAN PROGRAM

- 2.1. Langkah Jiwa Merdeka – aktiviti berjalan penjawat awam daripada semua kementerian ke titik pertemuan (lokasi program).
- 2.2. Bicarawara Patriotik – Amanat oleh YB Menteri Komunikasi/Ketua Setiausaha Negara yang memberi fokus kepada Sambutan HKHM2024.
- 2.3. *Flag Off* Konvoi KMJG2024 – Pelepasan Konvoi KMJG2024 yang melibatkan penyertaan kenderaan jabatan/agensi.
- 2.4. Sukan dan Rekreasi – *Indoor Games* dan permainan tradisional
- 2.5. Gerai Kita MADANI – Penyediaan jamuan berdasarkan kepada konsep gerai yang santai
- 2.6. *Pocket Show* dan Zumba MADANI
- 2.7. Anugerah Kontinjen Terbaik – Penilaian berdasarkan kepada konsep bagi menonjolkan identiti peserta kementerian serta nilai tambah seperti tema pakaian dan idea kreatif.

**Disediakan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia**



## HELAIAN FAKTA

---

### PERKAMPUNGAN MADANI 2024 SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2024

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Perkampungan MADANI merupakan inisiatif yang menekankan kepada pembangunan masyarakat yang sejahtera, bersatu padu melalui keterlibatan aktif melalui aktiviti sukarelawan.
- 1.2. Perancangan dan pelaksanaan program adalah secara bersepadu melibatkan kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan untuk melaksanakan perancangan intipati, lokasi dan sebagainya.
- 1.3. Ia merupakan salah satu *pocket* program bersempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 bagi menyemarakkan rasa cinta kepada negara serta menyemarakkan sambutan di peringkat akar umbi.
- 1.4. Tarikh : Bulan Julai 2024

#### 2. OBJEKTIF

- 2.1. Penekanan nilai kebertanggungjawaban dan amalan ihsan dalam memupuk semangat kebersamaan Malaysia MADANI bagi memastikan suasana harmoni dapat dikecapi serta menyemai budaya khidmat.
- 2.2. Menyuburkan budaya ilmu melalui perkongsian pintar dengan mengadakan program seperti bicarawara dan perkongsian kepada masyarakat kampung.
- 2.3. Mengeratkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat melalui interaksi dan komunikasi serta mewujudkan jalinan persefahaman.
- 2.4. Memupuk semangat kesukarelaan dan kesediaan membantu dalam kalangan komuniti MADANI.

Disediakan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia



## HELAIAN FAKTA

---

### SEMARAK GEMILANG KITA MADANI @ KL *CAR-FREE MORNING*

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Semarak Gemilang Kita MADANI @ KL *Car-Free Morning* merupakan salah satu *pocket* program untuk mempromosikan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.
- 1.2. Program ini bersempena KL *Car-Free Morning* yang merupakan inisiatif hijau untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk tempatan di Kuala Lumpur melalui aktiviti sukan rekreasi, seni dan kebudayaan.
- 1.3. Penyertaan mensasarkan warga kota dari pelbagai lapisan umur dan latar belakang bagi merealisasikan misi menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan di Ibu Kota agar kemeriahan sambutan dapat dirasai.
- 1.4. Memupuk semangat perpaduan serta membangkitkan rasa cinta kepada negara melalui pengisian aktiviti yang disusun.

#### 2. TUJUAN PROGRAM

- 2.1. Meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap nilai – nilai kebangsaan di kalangan masyarakat Kuala Lumpur dan sekitarnya.
- 2.2. Mempromosikan gaya hidup sihat dan mesra alam melalui penglibatan dalam aktiviti riadah.
- 2.3. Mencipta platform interaktif untuk masyarakat berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain sambil meraikan semangat kebangsaan serta mewujudkan komunikasi dua hala antara pemimpin dan rakyat.

**Disediakan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia**



## HELAIAN FAKTA

---

### PENTARAMA *LIVE JAM*

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. PENTARAMA *Live Jam* merupakan sebuah konsert bertemakan kemerdekaan negara yang diadakan khusus sempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.
- 1.2. Program ini membawa konsep penyampaian maklumat berkaitan nilai-nilai kemerdekaan, isu semasa dan dasar kerajaan melalui aktiviti nyanyian dan tarian.
- 1.3. Menyemarakkan semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia melalui elemen hiburan bermaklumat menerusi persembahan PENTARAMA.

**Disediakan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia**



## HELAIAN FAKTA

---

### PROGRAM JIWA MERDEKA ANTARA KEMENTERIAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2024

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Program ini merupakan penganjuran tahun keempat dan antara pengisian aktiviti di bawah program-program Bulan Kebangsaan anjuran Jabatan Penerangan Malaysia bagi tahun 2024.
- 1.2 Penganjuran program ini pada tahun 2023 telah dilaksanakan dengan elemen penjurian secara bersemuka dengan penglibatan 26 kementerian diseluruh kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pada tahun 2024, program ini akan melibatkan juga Kementerian serta Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian masing-masing.
- 1.3 Tujuan program ini adalah untuk memberi galakan dan peluang kepada rakyat Malaysia khususnya semua penjawat awam untuk menzahirkan semangat patriotik di samping menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan.
- 1.4 Program ini memberi fokus utama kepada suasana keceriaan sambutan ulang tahun kemerdekaan serta kreativiti pengibaran Jalur Gemilang di premis Kementerian masing-masing.

#### 2. OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan semangat patriotik yang tinggi melalui kreativiti pengibaran Jalur Gemilang sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024.
- 2.2 Meningkatkan kesedaran dan penghayatan kemerdekaan negara.
- 2.3 Mendorong dan mencetus kreativiti rakyat khususnya penjawat awam dalam menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan 2024.

**Disediakan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia**





## HELAIAN FAKTA

---

### SKILLBOX@KENEGARAAN

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Program wawancara interaktif yang menentengahkan pelbagai topik menarik dan menpati jiwa anak muda bersama tetamu undangan.
- 1.2 Pada tahun 2022, program ini diteruskan lagi dengan menggunakan kaedah pelaksanaan yang baharu iaitu secara hybrid (gabungan pelaksanaan secara bersemuka dan dalam talian).
- 1.3 Bagi tahun 2024, program ini akan dilaksanakan untuk pelajar sekolah menengah dan juga pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan akan mengekalkan konsep yang sama iaitu wawancara.

#### 2. OBJEKTIF

- 2.1 Menyemarak dan menggelorakan semangat patriotik serta cintakan negara di kalangan pelajar sekolah dan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).
- 2.2 Membentuk keyakinan dalam diri pelajar dalam mengejar kejayaan di masa hadapan.
- 2.3 Mengukuhkan jaringan strategik JAPEN
- 2.4 Memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada peserta sera membantu pembentukan sahsiah diri pelajar.



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

## HELAIAN FAKTA

---

### PERMUKIMAN KOMUNITI MADANI

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Permukiman Komuniti MADANI merupakan program yang menghimpunkan kesemua 1,878 Ketua Komuniti MADANI dari seluruh negara sebagai satu penyatuan gagasan pembangunan komuniti.
- 1.2 Komuniti MADANI merupakan sebuah badan sukarela melibatkan penyertaan pelbagai kaum yang diurus tadbir oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) bagi memupuk nilai-nilai murni dan kenegaraan serta merealisasikan aspirasi dan hala tuju negara berteraskan kerjasama strategik dalam memasarkan maklumat kenegaraan, perpaduan serta dasar kerajaan.
- 1.3 Program ini berkonsepkan bicarawara dengan mengutamakan elemen perkongsian maklumat mengenai inisiatif dan dasar kerajaan kepada Komuniti MADANI.

#### 2. OBJEKTIF

- 2.1 Mempertingkatkan dan memperkukuh fungsi dan peranan Komuniti MADANI;
- 2.2 Menghimpunkan wakil komuniti dari seluruh negara sebagai agen pemasaran maklumat kerajaan;
- 2.3 Memperkasa komuniti melalui penglibatan dalam program anjuran jabatan / agensi kerajaan; dan
- 2.4 Menjadi jaringan dan rakan strategik kepada jabatan dalam usaha memupuk semangat Malaysia MADANI.



## HELAIAN FAKTA

---

### JIWA KOMUNITI MADANI@MERDEKA

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Program Jiwa Komuniti MADANI@Merdeka adalah program turun padang dan sesi libat urus Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) bersama masyarakat setempat dalam suasana yang santai sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.
- 1.2 Program ini merupakan salah satu platform JAPEN untuk memasarkan maklumat, isu semasa, dasar dan inisiatif kepada semua lapisan masyarakat.
- 1.3 Program ini juga bertujuan untuk menyemarakkan semangat cintakan negara dan mengeratkan lagi hubungan masyarakat berbilang kaum, agama dan bangsa ke arah pembentukan sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni.

#### 2. OBJEKTIF

- 2.1 Menjadi platform kepada JAPEN dalam menghebahkan maklumat mengenai dasar, inisiatif dan kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan;
- 2.2 Memperkasakan komuniti melalui penglibatan dalam penganjuran dan pengisian program anjuran jabatan / agensi kerajaan; dan
- 2.3 Menyemarak dan menggelora semangat patriotik serta cinta negara dalam kalangan rakyat sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.